

28/07/1997

Gemplus sah terbabit dalam CRFP bagi MSC

Khaidir Majid; Ahmad Zaini Kamaruzzaman; Ghazali Musa; Halim Yusoff GEMPLUS (Gemplus), syarikat berasaskan teknologi maklumat (IT) yang berpangkalan di Perancis mengesahkan pembabitannya dalam tender Konsep Permohonan Untuk Cadangan (CRFP) bagi dua daripada empat aplikasi perdana yang akan diperkenalkan dalam Koridor Raya Multimedia (MSC).

Naib Presiden Operasi Gemplus Asia Pasifik, Remy de Tonnac, berkata pihaknya sudah mengadakan kerjasama dengan dua lagi syarikat IT antarabangsa, satu dari Amerika Syarikat dan Jepun serta tiga atau empat syarikat tempatan untuk mengemukakan cadangan pelaksanaan berkenaan.

"Konsortium yang ditubuhkan itu akan memberikan penekanan kepada aplikasi kerajaan elektronik yang mempunyai aplikasi kad pintar pelbagai guna (MPC) untuk kad pengenalan, lesen memandu dan pembayaran kemudahan harian," katanya.

Kelmarin, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, melancarkan tender CRFP untuk empat daripada tujuh aplikasi perdana dalam MSC yang dianggarkan bernilai RM1.6 bilion.

Empat aplikasi yang dicadangkan ialah kerajaan elektronik, sekolah bestari, teleperubatan dan kad pintar pelbagai guna (MPC). Gemplus berminat terbabit dalam aplikasi kerajaan elektronik dan MPC.

Perbadanan Pembangunan Multimedia (MDC) menetapkan syarikat IT menubuhkan konsortium bagi membolehkan mereka layak menyertai tender CRFP.

"Konsortium yang dianggotai Gemplus mengunjurkan untuk menyiapkan struktur perkongsian dalam CRFP iaitu aspek teknologi yang dapat disumbangkan setiap syarikat.

"Kami berharap dapat menghantar permohonan berkenaan sebelum 15 November ini," kata de Tonnac pada sidang akhbar khas sempena sumbangan bernilai lebih RM100,000 bagi mengadakan demonstrasi maya perdagangan elektronik dan akses jam pintar sempena Dialog Antarabangsa Langkawi Ketiga, di Langkawi, semalam.

Gemplus, syarikat IT yang merekodkan perolehan dagangan AS\$440 juta (RM1.1 bilion) tahun lalu, mendakwa menjadi pengeluar nombor satu bagi kad pintar magnetik berjalur di dunia dengan pegangan pasaran 42 peratus dan 60 peratus di rantau Asia Pasifik.

Selain mengeluarkan kad pintar yang berjumlah 1.5 juta kad sehari di seluruh dunia, firma itu juga mengeluarkan pelbagai produk bagi aplikasi seperti telekomunikasi awam, urus niaga kewangan, pengangkutan, pendidikan, kesihatan dan perdagangan elektronik.

De Tonnac berkata, Gemplus yang mempunyai pejabat di 25 negara dan beroperasi di lebih 100 negara di dunia bersedia memindahkan teknologi dengan firma tempatan yang komited dan serius untuk memperkembangkan industri teknologi maklumat di Malaysia.

"Malaysia menjadi negara termaju di rantau ini dengan pengenalan MSC. Malaysia mendahului negara lain di rantau Asia dengan rancangan penggunaan kad pintar malah mendahului Perancis dalam aplikasi kad pintar pelbagai guna biarpun negara itu memperkenalkan kad pintar sejak 1974," katanya.

De Tonnac yakin menjelang tahun 2000, rantau Asia akan mewakili satu pertiga daripada penggunaan kad pintar di dunia dengan Malaysia menjadi antara pemain utama.

Mengenai LID, De Tonnac berkata ia adalah satu acara unik bagi mewujudkan hubungan perdagangan yang strategik di antara sektor korporat di antara pelbagai negara peserta sekali gus menjana pemindahan teknologi.

(END)

